



**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA
KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar di **Negeri Kedah** sahaja mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan, berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia [LPIPM(CIDB)] dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan akan diterima di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** pada **13 Februari 2025** sehingga jam **12:00** tengahari.

BUTIRAN SEBUTHARGA	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
MEMBINA DAN MENYIAPKAN PAGAR SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI LADANG MEMPELAM TOBIAR DAN PUSAT PEMBENIHAN KOLAM IKAN TOBIAR, PPK D-III TITI HAJI IDRIS, WILAYAH III, MADA. [SEBUTHARGA NO. MADA(SH)/BPPP/A/13/2025]	6 Februari 2025 (Khamis) Jam 10.00 pagi Pendaftaran : Jam 9.00 pagi hingga 9.45 pagi Berkumpul di Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Silaturrahim MADA D-III Titi Haji Idris, 06500 Langgar, Kedah Darul Aman Lawatan Tapak adalah WAJIB kepada pemilik sahaja dengan membawa bersama sijil/lesen ASAL untuk diperiksa sebelum taklimat lawatan tapak.	Gred G2 Kategori CE Pengkhususan CE21 (Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan)	RM 10 (Satu Set) Bayaran tidak dikembalikan	13 Februari 2025 (Khamis) Jam 12.00 tengahari

2. Semua butiran dan Dokumen Tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman** mulai **6 Februari 2025 (Khamis)** sehingga **13 Februari 2025 (Khamis)** sehingga jam **12:00** tengahari pada waktu dan hari bekerja.
3. Kontraktor yang ingin membeli Dokumen Tawaran dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** serta **Sijil Taraf Bumiputera** untuk pemeriksaan dan satu salinan bagi setiap sijil tersebut diserahkan kepada pihak MADA sebagai rekod.

4. Dokumen Tawaran juga boleh dibeli oleh wakil kontraktor yang membawa **Surat Wakil Kuasa** serta dokumen-dokumen yang disebutkan dalam Perkara 3.
5. Bayaran untuk membeli Dokumen Tawaran boleh dibuat dengan kaedah seperti berikut:
 - a. Pembayaran secara tunai; ATAU
 - b. Pembayaran atas talian

Pembayaran melalui cek tidak akan diterima.

6. Dokumen Tawaran Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri serta ditulis nombor sebutharga dan memasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek, Ibu Pejabat MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ampang Jajar, 05990 Alor Setar, Kedah Darul Aman**. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
7. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh : 26/1/2025

Tandatangan :
Nama
Jawatan


Ir. MOHD FARIZAN BIN MOHD YUSOF
Pegawai
Bahagian Pembangunan Dan Pengurusan Projek
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
(MADA)